

جهاز كماله وعلو رتبته

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BLOK D7 & D9, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62519 PUTRAJAYA

TEL: 03-88864000 FAKS: 03-88892039 WEBSITE: <http://www.islam.gov.my>

ISLAM
HADHARI

JAKIM/(S)/(3.00)/379/27 Jld.27

6 Rabiul Awwal 1430H

3 Mac 2009

Tuan Haji Tengku Aziz bin Raja Abdullah
Pengurus Besar Bimbingan
Lantai 3, Bangunan Ibu Pejabat
Lembaga Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
Peti Surat 11025
50732 Kuala Lumpur

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

**HUKUM MENUNAIKAN HAJI BAGI PESAKIT YANG MENJALANI
RAWATAN HEMODIALISIS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita saya memaklumkan bahawa isu berkaitan Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis telah dibincangkan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke- 84 yang telah bersidang pada 15 Disember 2008 lalu di Hotel Legend, Kuala Lumpur.

3. Ahli- ahli Muzakarah ketika membincangkan isu ini telah bersetuju memutuskan bahawa;


- i) Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;
- ii) Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan
- iii) Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

4. Kerjasama dan keperihatinan tuan di dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(HAJI RAZALI BIN HAJI SHAHABUDIN)

Pengarah

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia